

06 DEC 2001

Negara-Mahathir (Diesel)

KERAJAAN TANGGUNG SUBSIDI RM1.1 BILION DIESEL SETAHUN

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan terpaksa menanggung subsidi diesel sebanyak RM1.1 bilion setahun berikutan keputusannya mengekalkan harga diesel pada paras asal.

Jumlah itu merupakan pertambahan sebanyak RM471 juta setahun, kata Perdana Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat pada 19 Okt lepas, kerajaan telah mencadangkan kenaikan harga diesel sebanyak 10 sen seliter bagi mengurangkan perbelanjaan subsidi kerajaan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata kerajaan amat prihatin terhadap rayuan pelbagai pihak, khususnya golongan nelayan dan pengusaha perkhidmatan pengangkutan.

"Dengan keprihatinan ini serta penurunan harga diesel di pasaran antarabangsa, kerajaan telah menimbang semula dan memutuskan untuk mengekalkan harga diesel pada paras asal," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kenaikan harga petrol adalah wajar memandangkan kerajaan sudah mengorbankan begitu banyak hasil.

Katanya, sumbangan kos petrol dalam perbelanjaan isi rumah adalah kecil iaitu 0.4 peratus sahaja dan kenaikan harga petrol yang hanya 8.3 peratus tidak membebankan rakyat.

"Oleh yang demikian kerajaan berharap pihak tertentu tidak lagi mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan," katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan memperuntukkan RM5.7 bilion bagi pembangunan infrastruktur melibatkan pembinaan jalan raya dan jambatan, landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang bagi menyokong sektor pengangkutan.

Katanya, lokasi strategik Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Senai yang berdekatan Singapura hendaklah diketengahkan sebagai pelabuhan dan lapangan terbang hub pergerakan kargo iaitu "integrated express operator" tempatan dan antarabangsa.

Langkah itu akan dapat membangunkan segera sistem pengangkutan bersepadu bagi menghubungkan semua rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara di selatan Semenanjung dengan lebih cekap dan berkesan, katanya.

-- BERNAMA
RZS RZS NMO